

## **BAB 2**

### **TEORI DIALOGISME**

#### **2.0 Pengenalan**

Melalui bab 2 ini, perbincangan dijalankan dengan membuat huraian tentang teori dialogisme yang meliputi aspek-aspek seperti asal-usul kemunculan teori ini, latar belakang Mikhail Bakhtin sebagai orang yang mula-mula memperkenalkan teori ini, prinsip-prinsip asas teori, perkembangan dan aspek-aspek lain yang dirasakan relevan sebagai asas dalam kajian ini.

#### **2.1 Latar Belakang Mikhail Bakhtin**

Mikhail Bakhtin atau nama penuhnya Mikhail Mikhailovich Bakhtin telah dilahirkan di Orel iaitu sebuah pekan kecil di Rusia pada tahun 1895. Beliau berasal dari sebuah keluarga aristokrat yang miskin dan bapanya hanyalah bekerja sebagai seorang kerani di sebuah bank. Bakhtin banyak menghabiskan zaman kanak-kanaknya di tempat kelahirannya iaitu di Orel, namun masa remajanya banyak dihabiskan di Vilnius dan Odessa. Beliau mempelajari filologi di Universiti Odessa dan kemudiannya di Petrograd dan menerima ijazahnya pada tahun 1918. Beliau mengajar di sekolah rendah, mulanya di pekan kecil bernama Nevel' dari tahun 1918–1920 dan kemudiannya selepas tahun 1920 di Vitebsk. Beliau telah berkahwin pada tahun 1921 (Todorov, 1994 : 1).

Semasa di Nevel', telah mula terbentuk satu kelompok atau kumpulan yang terdiri daripada sahabat-sahabat Bakhtin sendiri yang mewakili aliran pemikiran kontemporari Rusia. Antara sahabat Bakhtin yang termasuk dalam kumpulan ini adalah seperti Pavel Nikolaevich Medvedev (1891–1938), Ivan Ivanovich Sollertinski (1902–1944), Lev Vasilievich Pumpianski (1891–1940), Matvei Isaevich Kagan (1889–1937), Valentin Nikolaevich Voloshinov (1895–1936), M.B. Yudina (1899–1970), B.N. Zubakin (1894–1937) dan lain-lain lagi (<http://www.utm.edu/research/iep/b/bakhtin.htm>).

Bakhtin dan kelompok sahabatnya ini banyak memberikan perhatian dan mengadakan perbincangan yang berkaitan dengan isu-isu sosial dan budaya seperti soalan-soalan berpusat tentang kehidupan sosial, penghasilan seni, penggunaan bahasa dan falsafahnya mengikut stratifikasi sosial dan yang paling utama sekali adalah pandangan kelompok ini yang mempercayai bahawa penghasilan linguistik adalah satu dialogik iaitu terbentuk melalui proses interaksi sosial yang akan mengubah bentuk percakapan manusia (<http://www.colorado.edu/English/ENGL2012Kiages/bakhtin.html>).

Aliran Bakhtin tidak tertarik dengan linguistik abstrak yang akhirnya menjadi dasar kepada aliran strukturalisme. Mereka lebih tertarik kepada bahasa atau wacana sebagai fenomena sosial. Misalnya, tumpuan pandangan Voloshinov yang melihat 'kata' sebagai tanda sosial yang aktif dan dinamik, mempunyai kesanggupan untuk mengambil makna dan konotasi yang berbeza untuk kelas sosial yang berbeza dalam keadaan sosial dan sejarahnya yang turut berbeza. Voloshoniv telah menolak keseluruhan pengertian 'Ucapan yang terpencil, selesai dan monologis, terpisah daripada konteks verbal dan aktual dan tidak terbuka kepada sebarang tindak balas

yang aktif dan hanya terbuka kepada pemahaman yang pasif.’ Kemudiannya, Mikhail Bakhtinlah yang telah bertanggungjawab mengembangkan implikasi daripada pandangan dinamik tentang bahasa ini terhadap karya sastera (Raman Selden, 1989 : 13).

Dalam bukunya *Problems of Dostoevsky's Poetics* (1929), dan juga dalam bukunya yang kemudian tentang *Rebels*, Bakhtin telah meneroka penggunaan berbagai-bagai bentuk dialog yang bebas dan sering juga bersifat subversif dalam budaya klasik, zaman pertengahan dan juga dalam zaman Renaissance (Raman Selden, 1989 : 14). Selain itu, ahli-ahli dalam kelompok Bakhtin ini juga turut terlibat dengan aktiviti-aktiviti seperti perdebatan umum selain memberikan syarahan yang berbentuk formal.

Pada peringkat permulaannya, Bakhtin dan ahli-ahli dalam kelompoknya telah mengadakan pertemuan dan juga perbincangan di tempat-tempat seperti Nevel’ dan juga Vitebsk pada sekitar tahun 1918. Walau bagaimanapun, pertemuan-pertemuan itu kemudiannya telah diadakan pada tahun 1924 di Leningrad. Berikutan peristiwa penangkapan beberapa ahli dalam kumpulan tersebut dalam tahun 1929, perjumpaan-perjumpaan yang diadakan itu telah terhenti. Namun, sejak dari masa itulah sehingga kepada saat kematiannya, Bakhtin banyak menumpukan perhatian dan kajiannya ke atas topik-topik yang pernah dibincangkan oleh ahli-ahli dalam kelompok tersebut (<http://www.utm.edu/research/iep/b/bakhtin.htm>).

Kesungguhan dan produktiviti Bakhtin dalam menghasilkan karya-karyanya sangat memuncak pada masa itu walaupun salah satu daripada kakinya terpaksa dipotong pada tahun 1938 kerana menghidap penyakit osteomyelitis iaitu sejenis

penyakit radang tulang sum-sum. Bakhtin, dalam tempoh ini sentiasa berada dalam keadaan menderita kesakitan yang menyebabkan beliau sentiasa terlantar selama beberapa ketika (Todorov, 1994 : 2). Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak menghalang beliau daripada terus berkarya dan berfikir secara kritis.

Sebelum tahun 1938, Bakhtin selain terlibat dengan perbincangan dalam kelompok kawan-kawannya, beliau juga turut mengajar subjek kesusasteraan. Disebabkan oleh hubungannya yang agak rapat dengan kumpulan Kristian Ortodoks yang banyak menentang pemerintahan komunis di Rusia pada masa itu telah menyebabkan Bakhtin ditangkap pada tahun 1929. Bakhtin telah dikurung dan menghabiskan masanya dalam sebuah kem tahanan di Solovskii selama lima tahun. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab kesihatannya yang semakin merosot, hukumannya telah diringkaskan kepada pembuangan di Kustanaj, Kazakhstan dari tahun 1930 sehingga tahun 1936 (Todorov, 1994 : 3).

Sejak tahun 1930, Bakhtin telah melakukan kerja-kerja perkeranian di beberapa institusi di pekan kecil Kustanaj yang terletak di sempadan Siberia dan Kazakhstan. Pada tahun 1936, beliau telah diberi jawatan di sebuah Maktab Perguruan di Saransk. Pada tahun 1937 pula, Bakhtin telah menetap di Kimr, yang terletak beberapa ratus kilometer dari Moscow untuk mengajar bahasa Rusia dan bahasa Jerman di sebuah sekolah menengah tempatan. Kadang-kala Bakhtin turut menyertai kegiatan yang diadakan oleh Institut Kesusasteraan Akademi Sains di Moscow. Beliau kembali berkhidmat di Maktab Perguruan Saransk pada tahun 1945 dan beliau terus bertugas di situ sehinggalah kepada masa persaraannya pada tahun 1961. Buku-buku yang ditulisnya tentang Dostoevsky telah diterbitkan semula pada tahun 1963. Sementara bukunya tentang Rabelais pula yang pada asalnya adalah

sebuah tesis, telah diterbitkan pada tahun 1965. Ketika kesihatannya semakin buruk, Bakhtin dan isterinya telah menetap di Moscow pada tahun 1969. Isteri Bakhtin telah meninggal dunia 2 tahun kemudian iaitu pada tahun 1971. Tahun-tahun akhir kehidupan Bakhtin telah dihabiskannya di sebuah rumah persaraan di Klimovsk, Moscow. Mikhail Bakhtin telah meninggal dunia dalam bulan Mac 1975 ketika berusia lapan puluh tahun dan telah dikebumikan mengikut upacara Kristian Ortodoks (Tzvetan Todorov, 1994 : 3).

## 2.2 Hasil Penulisan Bakhtin

Bakhtin dan ahli-ahli dalam kelompoknya sangat aktif mengadakan perbincangan dan menyertai pelbagai syarahan serta perdebatan umum. Hasilnya, mereka telah banyak menghasilkan kertas-kertas kerja, jurnal-jurnal, manuskrip-manuskrip dan termasuk nota-nota yang kebanyakannya telah diterbitkan dengan menggunakan nama Bakhtin sendiri atau ahli-ahli dalam kelompoknya itu. Berikut adalah senarai mengikut kronologi hasil penulisan Bakhtin yang tidak termasuk hasil penulisan ahli-ahli dalam kelompok sahabatnya seperti yang dipetik daripada buku Tzvetan Todorov (1994 : 137–140):

1. M. Bakhtin, “Iskusstvo i otvetstvennost” (Art and Responsibility) atau (Seni dan Tanggungjawab). Dalam (42), hlm. 5–6. Dalam hal penerbitan awal dalam: *Den' iskusstva* (1919) dan dalam *Voprosy Literatury* 6 (1977).
2. M. Bakhtin, “Avtor i geroj v esteticheskoy dejatel' nosti” (Penulis dan Watak Dalam Aktiviti Estetik). Dalam (42), hlm. 7–180. Sebahagian awal penerbitan buku ini: *Voprosy filosofii* 7 (1977) dan dalam kes *Voprosy literatury* 12 (1978). Ditulis di antara 1922 hingga 1924.

3. M. Bakhtin, "Problema soderzhanija, materiala i formy v slovesnom khudozhestvennom tvorchestve" (Masalah Kandungan, Bahan dan Bentuk Dalam Pembentukan Artistik Lisan). Dalam (41), hlm. 6–71. Sebagian awal penerbitan dalam *Kontekst* 1973. Moscow, 1974. Ditulis pada tahun 1924.
4. M. Bakhtin, "Iz lekcij po istorii russkoj literatury. Vjacheslav Ivanov" (Dipetik daripada syarahan tentang sejarah kesusasteraan Rusia. Viacheslav Ivanov). Dalam (42), hlm. 374–83. Transkripsi oleh R.M. Mirkina, daripada kursus yang diajar dalam tahun 1920-an mungkin di antara tahun 1924.
5. M. Bakhtin, *Problemy tvorchestva Dostoevskogo*. Leningrad, 1929. Terjemahan Inggeris. *Problems of Dostoevsky's Poetics*. (Permasalahan Dalam Karya-karya Puisi Dostoevsky). Diterjemahkan oleh W.W. Rotsel. Ann Arbor: Ardis, 1973. Terjemahan Inggeris yang baru, termasuk bahan-bahan baru boleh didapati dalam siri Teori dan Sejarah Kesusasteraan: *Problems of Dostoevsky's Poetics*. Disunting dan diterjemahkan oleh Caryl Emerson dengan pengenalan oleh Wayne C. Booth. Minneapolis: Univ. of Minn. Press, 1984.
6. M. Bakhtin, "Predislovie" (Prakata). Dalam L.N. Tolstoj, *Polnoe sobranie khudozhestvennykh proizvedenij*, jil. 11, "Dramaticheskie proizvedenija" (Dramatic works), hlm. 3–10. Moscow-Leningrad, 1929.
7. M. Bakhtin, "Predislovie" (Prakata). Dalam Tolstoj, *Polnoe sobranie khudozhestvennykh proizvedenij*, jil. 13, "Voskresenie" (Resurrection), hlm. 3–20. Moscow – Leningrad, 1929. Terjemahan Inggeris dalam *Writings by*

*the Circle of Bakhtin*. Diterjemahkan oleh Wlad Godzich. Minneapolis: Univ. of Minn. Press, akan diterbitkan.

8. M. Bakhtin, "Slovo v romane" Dalam (41), hlm. 72–233. Sebagian penerbitan awal dalam *Voprosy literatury* 6 (1972). Ditulis dalam tahun 1934–1935. Terjemahan Inggris, "Discourse in the Novel" dalam *The Dialogic Imagination*, hlm. 259–422. Disunting oleh Michael Holquist, diterjemahkan oleh Caryl Emerson dan Michael Holquist, Austin, Texas: Univ. of Texas Press, (1981). Selepas ini *Dialogic Imagination* akan ditulis sebagai *DI*.
9. M. Bakhtin, "Roman vospitanija i ego znachenie v istorii realizma" (The Novel Of Apprenticeship And Its Significance In The History Of Realism), hlm. 188–236, Ditulis dalam tahun 1936–1938.
10. M. Bakhtin, "Formy vremeni i khronotopa v romane" Dalam (41), hlm. 234–407. Sebagian penerbitan awal dalam: *Voprosy literatury* 3 (1974). Ditulis dalam tahun 1937–1938, kecuali "Concluding Remarks" Terjemahan Inggris, "Forms of Time and of the Chronotope in the Novel", dalam *DI*, hlm. 41–83.
11. M. Bakhtin, "Iz predystorii romannogo slova" Dalam (41), hlm. 408–46. Sebagian penerbitan awal dalam: *Voprosy literatury* 8 (1965) dan dalam *Russkaja i zarubezhnaja literatura*. Saransk, 1967. Ditulis dalam tahun 1940. Terjemahan Inggris, "From the Prehistory of Novelistic Discourse" dalam *DI*, hlm. 41–83.

12. M. Bakhtin, *Tvorchestvo Fransua Rable i narodnaja kul'tura Srednevekovija i Renesansa*. Ditulis dalam tahun 1940 kecuali bagi beberapa tambahan. Terjemahan Inggeris, *Rabelais and His World*. Diterjemahkan oleh Helene Iswolsky. Cambridge, Mass.: MIT Press, 1968.
  
13. M. Bakhtin, "Rable i Gogol" (Rabelais and Gogol). Dalam (41), hlm. 484-95. Penerbitan awal dalam *Kontekst* 1972. Moscow, 1973. Ditulis dalam tahun 1940, disemak semula dalam tahun 1970.
  
14. M. Bakhtin, "Epos i roman" Dalam (41), hlm. 448-83. Penerbitan awal dalam *Voprosy literatury* 1 (1970). Ditulis dalam 1941. Terjemahan Inggeris. "Epic and Novel", dalam *DI*, hlm. 3-40.
  
15. M. Bakhtin, "K filosofskim osnovam gumanitarnykh nauk" (Toward The Philosophical Bases Of The Human Sciences). Dalam (42), hlm. 409-11. Sebahagian penerbitan awal dalam *Kontekst* 1974 . Moscow, 1975. Ditulis lebih kurang tahun 1941.
  
16. M. Bakhtin, "Problema rechevykh zhanrov" (The Problem Of The Discursive Genres). Dalam (42), hlm. 237-80. Sebahagian penerbitan awal dalam *Literaturnaja ucheba* 1 (1978). Ditulis dalam tahun 1952-1953.
  
17. M. Bakhtin, "Problema teksta v lingvistike, filologii i drugikh gumanitarnykh naukakh. Opyt filosofskogo analiza" (The problem Of Text In Linguistics, Philology, And The Other Human Sciences: An Essay Of Philosophical Analysis). Dalam (42), hlm. 281-307. Penerbitan awal dalam: *Voprosy literatury* 10 (1976). Ditulis dalam tahun 1959-1961.



18. M. Bakhtin, "K pererabotke knigi o Dostoevskom" Dalam (42), hlm. 308-27. Penerbitan awal dalam *Kontekst* 1976. Moscow, 1977. Ditulis dalam tahun 1961. Terjemahan Inggris. "Toward a Reworking of the Dostoevsky Book." Dalam *Problems of Dostoevsky's Poetics*, appendix II. Disunting dan diterjemah oleh Caryl Emerson. (Minneapolis: Univ. of Minn. Press, 1984).
19. M. Bakhtin, *Problemy poetiki Dostoevskogo* (Problems of Dostoevsky's Poetics), Edisi ke-2 (13). Moscow, 1963.
20. M. Bakhtin, "Pis'mo I. I. Kanaevu o Gete" (Letter to I. I. Kanaev On Goethe). Dalam (42), hlm. 396. Ditulis pada 11 Oktober 1962.
21. M. Bakhtin, "Pis'mo I. I. Kanaevu o Gete" (Letter to I. I. Kanaev on Goethe). Dalam (42), hlm. 396-97. Ditulis dalam bulan Januari 1969.
22. M. Bakhtin, "Recenzija na knigu L.E. Pinskogo Shekspir" (Review Of Shakespeare By L.E. Pinski). Dalam (42), hlm. 411-12. Ditulis dalam tahun 1970.
23. M. Bakhtin, "Otvét na vopros redakcii Novo go mira" (Response To The Question Of The Editorial Committee Of *Novyj mir*). Dalam (42), hlm. 328-35. Penerbitan awal dalam *Novyj mir* 11 (1970).
24. M. Bakhtin, "O polifonichnosti romanov Dostoevskogo" (On Polyphony In The Novels Of Dostoevsky). *Rossija/Russia* 2 (1975): 189-98. Penerbitan awal dalam bahasa Poland *Współczesność* 17-30 (Oktober 1971). Wawancara daripada 1970 atau 1971.

25. M. Bakhtin, "Iz zapisej 1970-71 godov" (Dipetik daripada nota dari tahun 1970-71). Dalam (42), hlm. 336-60.
26. M. Bakhtin, "Zakljuchitel'nye zamechanija" (Concluding Remarks). Dalam (41), hlm. 391-407. Conclusions to (23). Ditulis dalam tahun 1973.
27. M. Bakhtin, "K metodologii gumanitarnykh nauk" (Concerning Methodology In The Human Sciences). Dalam (42), hlm. 361-73. Sebahagian penerbitan awal dalam *Kontekst* 1974. Moscow, 1975. Ditulis dalam tahun 1974.
28. M. Bakhtin, *Voprosy literatury i estetiki*. Moscow, 1975. Terjemahan Inggeris untuk empat buah esei dalam *DI*.
29. M. Bakhtin, *Estetika slovesnogo tvorchestva* (The Aesthetics Of Verbal Creation). Moscow, 1979. Diterbitkan oleh S.G. Bocharov.
30. "M.M. Bakhtin i M. I. Kagan (po materialam semejnogo arkhiva)" (M.M. Bakhtin dan M. I. Kagan, materials from family archives). *Pamjat '4* (1981). Surat dan dokumen disunting oleh K. Nevel'skaja.

### 2.3 Teori Dialogisme

Mikhail Bakhtin mula-mula memperkenalkan dan membuat penghuraian yang panjang lebar tentang konsep dialogika apabila beliau menulis bukunya yang bertajuk *The Dialogic Imagination* yang telah diterbitkan pada tahun 1981. Beliau seterusnya berpendapat bahawa semua karya sastra itu telah dihasilkan berdasarkan kepada dialog yang berlaku antara satu teks dengan teks-teks yang lain. Dengan kata

lain, teori ini akan memperlihatkan hubungan antara satu teks dengan teks-teks yang lain (Mana Sikana, 1998 : 193).

Seterusnya Mana Sikana (1998 : 193), telah turut menjelaskan bahawa penemuan oleh Mikhail Bakhtin ini adalah berasaskan kepada teori dialogisme yang telah berkembang di Rusia pada akhir abad yang ke-19. Menurut Moi (1986 : 42-43), seperti yang telah dipetik dalam Mana Sikana (1998 : 193), Bakhtin telah berjaya meneliti dan menggunakan teori tersebut berdasarkan tulisan-tulisan oleh beberapa orang penulis-penulis terkemuka di Rusia seperti Mayakovsky, Knlebnikov dan Bely. Hasil daripada kajiannya terhadap hasil karya penulis-penulis Rusia tersebut dengan menggunakan konsep dialogika, Bakhtin akhirnya telah berjaya membina satu asas bagi teori dialogik melalui eksperimen yang dilakukannya terhadap karya-karya yang lain pula.

Hal ini amat jelas apabila Bakhtin telah menggunakan teori dialogisme ini untuk membaca, memahami dan seterusnya membincangkan karya-karya seorang penulis Rusia yang terkenal iaitu Dostoevsky. Perbincangannya tentang karya Dostoevsky dengan menggunakan teori dialogisme ini telah dituliskannya dalam bukunya yang bertajuk *Problems of Dostoevsky's Poetics* (1973). Di dalam buku ini, Bakhtin telah banyak mengupas dan memberikan penekanan terhadap unsur-unsur dalaman dan melihat juga perhubungannya dengan teks luaran melalui karya Dostoevsky. Dostoevsky adalah seorang penulis yang sangat terkenal di Rusia melalui penghasilan karya-karya besarnya seperti *The Gambler*, *The Idiot* dan *The Brothers Karamazoo*. Secara keseluruhannya, Dostoevsky telah berjaya menghasilkan empat belas buah novel dan juga antologi cerpen. Karya-karya Dostoevsky dikatakan amat sukar untuk difahami oleh masyarakat Rusia pada masa

itu dan pendekatan formalisme yang berkembang pada akhir tahun 1920-an di negara tersebut tidak banyak membantu proses pemahaman terhadap karya-karya Dostoevsky.

Pokok utama menurut dialogik Bakhtin (1986 : 104-105), bahwa dalam setiap karya itu berlaku dialog yang menghubungkan antara teks dalaman dan teks luaran. Apa yang dimaksudkan dengan teks dalaman adalah aspek yang berkaitan dengan pembinaan sesebuah karya sastra seperti estetik, imaginatif dan ilusi sementara teks luaran merupakan teks sosial yang paling erat kaitannya dengan pengalaman pengarang, ideologi, sejarah, moral, budaya dan sebagainya. Oleh itu, sesebuah karya itu tidak dapat dipisahkan dengan teks sosial yang merupakan teks luaran. Sebagai contohnya, teks sosial mempunyai pengertian yang mencakupi fakta dan peristiwa sejarah. Malah setiap karya yang dihasilkan itu mempunyai unsur-unsur sejarahnya yang tersendiri seperti timbulnya hasrat untuk menulis, pengumpulan bahan dan semuanya itu mempengaruhi penulisan dan dianggap sebagai unsur sejarah kepada penghasilan karya tersebut (Mana Sikana, 1998 : 193-194).

Bakhtin seterusnya berpendapat bahawa apa yang dimaksudkan dengan unsur luaran adalah apa-apa sahaja unsur atau elemen yang dapat membantu ke arah pembentukan sesebuah karya sastra. Biasanya bagi seseorang pengarang, sebelum mereka mula menghasilkan sesuatu karya sastra mereka telahpun mempunyai subjek dan juga tema yang ingin ditulis dan ini sebenarnya adalah merujuk kepada unsur-unsur dalaman. Melalui hasil gabungan unsur-unsur dalaman dan luaran inilah maka akan terbentuklah sebuah karya sastra seperti yang diinginkan oleh seseorang pengarang itu.

Menurut Mana Sikana (1998 : 194), seseorang penulis sebagai contohnya yang ingin menulis tentang sebuah drama yang berkisarkan peperangan, maka sudah pastilah ceritanya tidak hanya berkisar kepada peristiwa tembak-menembak dan serang-menyerang sahaja. Dalam keadaan ini, sudah pastilah pengarang akan turut memaparkan sebab-sebab dan punca-puncanya yang menyebabkan berlakunya peperangan tersebut. Berlaku juga kemungkinan bahawa pengarang turut dipengaruhi oleh peristiwa peperangan yang benar-benar berlaku berdasarkan buku-buku sejarah. Oleh yang demikian, pengetahuan tentang peperangan dalam diri seseorang pengarang yang ingin menghasilkan karya yang berlatarbelakangkan peperangan perlulah wujud melalui pengamatan, pembacaan dan juga peristiwa-peristiwa benar sebelum memulakan penulisan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa konsep dialog yang dimaksudkan oleh Bakhtin itu adalah penggunaan unsur-unsur luar dalam sesebuah karya sastra selain penggunaan unsur-unsur dalaman itu sendiri.

Hal ini jelas menunjukkan bahawa proses dialogisme itu berlaku melalui pengamatan, pembacaan ataupun berdasarkan pengalaman pengarang itu sendiri. Dalam erti kata yang lain, apabila ada kaitan antara satu unsur dalam karya dengan satu unsur yang sama di luar karya, maka dengan itu akan berlakulah dialog.

Menurut Bakhtin, walaupun unsur-unsur dalaman seperti tema, persoalan, plot, watak dan sebagainya sangat penting dalam pembinaan sesebuah karya sastra namun beliau tidak begitu menyenangi pendekatan strukturalisme yang hanya mengkaji sesebuah karya dengan hanya menitikberatkan aspek-aspek tersebut sahaja. Sedangkan bagi beliau unsur-unsur luaran seperti sosial, pengalaman, ideologi, sejarah dan juga yang lain-lain adalah sama-sama penting seperti unsur-unsur

dalam. Bagi Bakhtin, kedua-dua unsur tersebut adalah saling lengkap-melengkapi dalam usaha seseorang pengarang itu menghasilkan sesebuah karya sastra. Oleh yang demikian, hal ini jelas menunjukkan sikap Bakhtin yang tidak bersetuju dengan adanya pemisahan karya sastra dengan unsur-unsur luaran seperti sejarah, tradisi, aspek sosial, budaya, falsafah, pemikiran dan lain-lain (Mana Sikana, 1998 : 195).

## **2.4 Proses Dialogika Dalam Teori Dialogisme**

Menurut Mikhail Bakhtin lagi (1973 : 170-2, 1981: 428-432; Todorov, 1983 : 75-76 dan Jefferson, 1984 : 102-103) seperti yang dipetik daripada Mana Sikana (1994 : xii) bahawa terdapat tiga tahap dalam proses dialogika iaitu proses pembacaan, proses pemahaman dan penilaian serta seterusnya proses penulisan.

### **2.4.1 Proses Pembacaan**

Dalam proses pertama iaitu proses pembacaan, beberapa hal seperti fikiran, ingatan, perasaan dan lain-lain akan segera timbul dan bersatu dalam diri pembaca. Konsep dialogika Bakhtin juga menyebut bahawa proses pembacaan adalah satu kegiatan yang aktif, produktif dan pada waktu yang sama boleh menghasilkan kegiatan tindak balas yang tertentu. Dalam proses pembacaan juga akan berlaku proses menerima atau menolak isi karya yang dibaca. Pembacaan selalunya melibatkan proses apresiasi dan di samping menghayatinya mungkin akan berlaku juga penentangan dalam fikiran pembaca. Memang menjadi sifat manusia bahawa mereka sentiasa akan bertindak aktif dalam proses pembacaan dan akhirnya nanti akan berupaya pula untuk melakukan perbandingan dan pertimbangan tentang apa yang dibacanya sama ada menerima atau menolaknya (Mana Sikana, 1994 : xii).

## 2.4.2 Proses Pemahaman Dan Penilaian

Seterusnya Mana Sikana (1994 : xii), telah menjelaskan lagi bahawa proses kedua dalam konsep dialogika ini adalah melibatkan proses pemahaman dan penilaian iaitu merupakan kesinambungan daripada proses yang pertama iaitu proses pembacaan. Selepas seseorang itu selesai melakukan proses pembacaan, maka akan berlakulah pula tahap baginya untuk memahami dan seterusnya membuat penilaian terhadap karya yang telah dibacanya itu. Oleh yang demikian, proses pemahaman dan penilaian ini mempunyai kaitan secara langsung dengan aspek pemaknaan dan interpretasi dalam diri seseorang itu. Apa yang dimaksudkan di sini, adalah pemahaman akan menjadi terhad dan terbatas sekiranya bahan yang dibacanya itu tidak dapat dihubungkannya dengan teks luaran iaitu pemahaman pembaca akan menjadi bertambah jika pembaca mengaitkan peristiwa dalam karya dengan pengalamannya sendiri.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat karya sastra yang bukan sahaja mengandungi makna yang tersurat tetapi juga makna yang tersirat. Bagi Mana Sikana (1994 : xii), penggunaan lambang serta simbol dalam karya boleh juga menimbulkan makna yang pelbagai. Oleh sebab itulah, proses pemahaman dan penilaian seseorang pembaca terhadap sesebuah karya sastra akan banyak bergantung kepada kemampuan pembaca untuk menghubungkannya dengan aspek-aspek luaran, termasuk pengalaman dan sikap pembaca itu sendiri.

## 2.4.3 Proses Penulisan

Proses ketiga atau tahap terakhir dalam proses dialogika ini adalah proses penulisan. Proses penulisan ini termasuklah atau mencakupi juga proses untuk

mendapatkan idea atau ilham, persediaan dan pengumpulan bahan dan hal-hal yang lain sebelum berlakunya proses penulisan. Secara ringkasnya, bolehlah dikatakan bahawa proses penulisan bermula daripada terbitnya hasrat untuk menulis sehinggalah karya itu siap dihasilkan dan dalam proses ini berlakulah dialog antara karya berkenaan dengan unsur-unsur yang terdapat di luar teks. Menurut Bakhtin, pengalaman, latar dan sosialisasi pengarang adalah teks luaran yang akan berdialog atau menyerap ke dalam teks yang dihasilkan itu. Bakhtin menyatakan bahawa unsur sosio-budaya selalunya memberikan kesan yang mendalam terhadap karya. Dengan ini, dapatlah diperhatikan bahawa Dialogisme Bakhtin ternyata begitu menekankan aspek luaran yang mempengaruhi pembacaan atau bagaimana pengarang mendekati sesebuah karya sastera dan selepas itu secara naluriah pula teks-teks luaran akan mengalir ke dalam karya yang dihasilkan (Mana Sikana, 1994 : xii-xiii).

Seterusnya Mana Sikana (1998 : 196-197), telah menjelaskan bahawa secara dasarnya, teori dialogisme ini dapat dikesan melalui tiga aspek yang berlaku dalam diri pengarang, dalam teks itu sendiri dan dalam diri khalayak atau pembaca. Seseorang pengarang dalam proses penulisan atau proses mengarangnya akan sentiasa menimbulkan dialog dengan teks yang lain. Sementara sesebuah teks pula akan sentiasa berdialog dengan teks asing atau teks yang pernah dihasilkan yang mengakibatkan berlakunya perubahan, penentangan, perluasan dan sebagainya. Bagi pihak khalayak pula, pembacaannya terhadap sesebuah teks akan selalu menghubungkannya dengan teks-teks lain yang pernah dibacanya.

Seterusnya, teori dialogisme oleh Mikhail Bakhtin ini telah dikembangkan dan dipopularkan oleh Julia Kristeva. Kristeva telah cuba untuk memperjelas dan



memperluaskan teori ini dalam bukunya yang bertajuk *Semiotike* yang telah dihasilkan dalam bahasa Perancis. Teori dialogisme Bakhtin mula dikenali dan telah tersebar luas apabila buku tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuknya *Desire In Language: A Semiotic Approach To Literature And Art* yang diterbitkan pada tahun 1980. Teori ini sebenarnya telah digunakan oleh Kristeva untuk mengkaji dan menganalisis puisi dalam disertasi bagi ijazah Doktor Falsafahnya yang bertajuk “La revolution du Langage Poetique” pada tahun 1974. Pada masa inilah Julia Kristeva telah mula menggunakan istilah intertekstualiti yang bermaksud dalam sebuah teks terdapat beberapa buah teks (Mana Sikana, 1994 : xiii).

Sesuatu yang amat jelas dalam hal ini adalah teori dialogisme yang dipelopori oleh Mikhail Bakhtin amat mementingkan unsur-unsur pensejarahan sementara teori intertekstualiti yang dipopularkan oleh Julia Kristeva pula amat mementingkan unsur-unsur bahasa. Bagi Bakhtin (1981 : 90-92), seperti yang dipetik dalam Mana Sikana (1994 : xxii-xxiii), unsur sejarah merupakan suatu unsur yang sangat penting dalam pengertian dialogismenya. Sastera tidak diizinkan putus daripada akar sejarah kerana unsur sejarah tidak pernah terputus hubungannya dengan teks-teks yang pernah dihasilkan oleh pengarang. Unsur sejarah merupakan unsur dialogisme Bakhtin yang penting kerana sesebuah karya sastera yang dicipta akan memperlihatkan zamannya yang tersendiri. Seterusnya Mana Sikana (1994 : xxiii) menambah bahawa fungsi sejarah sebenarnya lebih menunjang kepada unsur tradisi dalam proses penciptaan sastera.

## 2.5 Penutup

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa teori dialogisme ini cuba menghubungkan antara satu teks dengan teks-teks yang lain dengan memperlihatkan dialog antara teks-teks tersebut. Secara ringkasnya, teori ini cuba untuk menegaskan bahawa dalam setiap karya yang dihasilkan akan berlaku dialog atau hubungan yang mengaitkan teks dalaman dan teks luaran. Teks dalaman merujuk kepada unsur-unsur yang membina karya seperti imaginasi, ilusi, estetika dan sebagainya. Sementara teks luaran pula merujuk kepada aspek-aspek seperti budaya, moraliti, sejarah, pengalaman, pemikiran atau ideologi pengarang itu sendiri. Oleh yang demikian, selain unsur-unsur dalaman, seseorang pengarang yang berkarya tidak dapat tidak, harus menggunakan juga unsur-unsur luaran yang berupaya menunjangi usaha untuk menghasilkan karya sastera yang bermutu dan mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi.